

Utusan-Forum 23/12/2020 m/s 13

GIS bantu kesan pencerobohan tanah

SAUDARA PENGARANG,

TANAH adalah sumber alam yang terhad dan tidak boleh diperbaharui. Tanah digunakan sebagai sumber dalam pelbagai bidang, termasuk pertanian, penternakan, kawasan tadahan air dan sumber mineral.

Penggunaan tanah tidak terkawal menyebabkan sumber alam itu semakin sedikit. Pembangunan dan amalan pengurusan tanah tidak lestari seperti penebangan hutan tanpa kawalan dan pencemaran alam sekitar menyebabkan berlakunya pelbagai bencana alam seperti tanah runtuh dan perubahan iklim.

Terdapat beberapa kejadian bencana besar yang melanda seluruh dunia akibat ketidaklestarian penggunaan sumber tanah. Antaranya, banjir kilat di Kuala Lumpur dan tanah runtuh di Cameron Highlands.

Menyedari kepentingan tanah terhadap kesejahteraan manusia dan keseimbangan alam, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui sambutan Hari Tanah Sedunia pada setiap tahun mengajak seluruh masyarakat dunia untuk menjaga dan memulihara sumber tanah agar ia kekal lestari.

Pengurusan tanah yang lestari ini perlu memaparkan maklumat tanah mana yang masih dalam keadaan baik, kawasan mana yang telah diteroka, perlu diselamatkan dan harus terus digazetkan.

Untuk menunjukkan lokasi tanah yang terkesan ini, integrasi maklumat tanah dengan Sistem Maklumat Geografi (GIS) harus menjadi satu keutamaan. GIS akan membantu memaparkan lokasi kawasan tanah, keadaan sekeliling dan keadaan bentuk muka bumi.

Integrasi GIS dengan maklumat tanah yang efisien mampu membantu pihak bertanggungjawab dalam mengenal pasti lokasi tanah, aktiviti di sesuatu kawasan serta memantau kawasan tanah berisiko dalam kawasan pentadbiran mereka.

Keupayaan GIS dalam memetakan kawasan berisiko tinggi dan kawasan tumpuan kegiatan haram memudahkan perkongsian maklumat dengan pihak berkuasa lain, agar tindakan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan efisien.



Sistem Maklumat Geografi (GIS) akan membantu memaparkan lokasi kawasan tanah, keadaan sekeliling dan keadaan bentuk muka bumi.”

**NURUL HANA ADI MAIMUN
& ZAKRI TARMIDI**

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)